

Motosikal terbakar di UniMAP, 36 pelajar dapat bantuan wang tunai daripada PM

[BERNAMA](#) - Mei 15, 2024 @ 10:59am



Muhammad Kamil Abdul Munim (kanan) meninjau lokasi kebakaran bersama pengurusan Kompleks Perumahan Pauh Putra Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan menyampaikan sumbangan wang tunai daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada 26 pelajar yang motosikal mereka musnah atau rosak akibat kejadian itu Sabtu lalu. - Foto FB ANWAR IBRAHIM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan sumbangan kepada pelajar yang terkesan dalam insiden kebakaran di aras bawah Blok B, Kompleks Perumahan Pauh Putra Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Sabtu lalu.

Menerusi perkongsian di Facebook, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata sumbangan disampaikan oleh Setiausaha Politik beliau, Muhammad Kamil Abdul Munim semalam.

"Mendoakan semoga semua yang terlibat tabah hadapi dugaan ini dan kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi akan memberi bantuan sewajarnya, insya-Allah," menurut catatan itu.

Pada 11 Mei lalu, media melaporkan 26 motosikal musnah dan 10 lagi mengalami kerosakan kecil selepas kawasan parkir asrama lelaki UniMAP terbakar yang dilaporkan kepada polis pada jam 4.43 pagi.

Dalam laporan media semalam, pengetua kompleks berkenaan, Mohd Syamril Aklmar Chek Kassim, berkata pihaknya amat berbesar hati atas keprihatinan Perdana Menteri menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 36 pelajar selepas motosikal mereka mengalami kerosakan akibat kebakaran itu.